

DINAMISME PENDIDIKAN TINGGI: PEMBINAAN MODAL INSAN ANTARABANGSA

Irma Wani Othman^{1*},

^{1*}Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa,
Universiti Malaysia Sabah,

M. Safuan Yusoff¹,

¹Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan,
Universiti Malaysia Sabah,

Herlina Jupiter³

²Pusat Hal Ehwal Hubungan Antarabangsa,
Universiti Malaysia Sabah

Hasbullah Awang³

³Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan,
Universiti Malaysia Sabah

ABSTRAK

Dinamisme pendidikan tinggi merupakan suatu usaha dalam mengangkasa sesebuah universiti melalui (1) status kecemerlangan akademik di persada dunia; (2) merangsang persekitaran budaya ilmunya dinamik; (3) melahirkan kredibiliti unggul dan keperibadian syumul golongan pelajar dengan pendedahan wacana ilmiah merentasi disiplin ilmu serta (4) mewujudkan iklim akademia kondusif untuk menarik minat kelompok the best minds terjun ke dalam dunia akademik. Manakala Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2007 menekankan tujuh teras strategi penarafan di mana ianya tertumpu pada meningkatkan, memperkasakan dan memberi nilai tambah serta meletakkan kualiti pengajian tinggi pada peringkat global. Dalam konteks pembinaan modal insan, pelantikan profesor ternama sebagai staf universiti dan peningkatan jumlah pelajar antarabangsa dilihat sebagai usaha strategik yang diberi keutamaan dalam memperkasa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) serta mempergiatkan pengantarabangsaan negara. Kajian ini bertujuan menerokai pengalaman dari modal insan antarabangsa pendidikan tinggi yang merangkumi komuniti pelajar antarabangsa dan ahli akademik ekspatriat iaitu sejajar dengan usaha negara merevolusikan sistem pendidikan tinggi. Dua persoalan pokok yang dirungkai - pertama, adakah dinamisme pendidikan tinggi di Malaysia berada pada tahap setanding dengan universiti bertaraf dunia yang mencerminkan imej serta reputasi baik, seterusnya berupaya meletakkan pendidikan tinggi negara sebagai hab kecemerlangan ilmu yang menjadi pilihan pelajar dan sarjana antarabangsa? Kedua, bagaimanakah teras kemajuan sesebuah universiti berjaya diwujudkan dengan pembinaan modal insan akademik? Kajian ini menawarkan bukti khusus bagaimana para ahli akademik ekspatriat dan golongan pelajar antarabangsa menilai pengalaman berada di negara ini serta mengaitkannya dengan dinamisme pendidikan tinggi dan pembinaan modal insan. Dapatan kajian turut menyisipkan satu dimensi lanjutan berhubung implikasi pembangunan modal insan sesebuah universiti yang memilih untuk merekrut tokoh akademik antarabangsa demi melahirkan budaya intelektual mantap menerajui sesuatu disiplin ilmu. Sumbangan kajian ini juga berupaya mengalihkan tumpuan kontekstual literatur pengantarabangsaan institusi pengajian tinggi yang sebelum ini dikatakan cenderung memfokuskan kepada pulangan tinggi pelaburan kerajaan dalam pendidikan negara, kepada peralihan perspektif terhadap dinamisme pendidikan tinggi menerusi pembangunan modal insan. Hasil kajian ini menjadi maklumat berguna bagi IPT dalam melaksanakan dasar atau polisi perancangan strategik alternatif masa hadapan, seterusnya menentukan senario pendidikan tinggi Malaysia pada masa hadapan.

Kata kunci: Dinamisme Pendidikan Tinggi, Pembinaan Modal Insan, Pelajar Antarabangsa, Akademik Ekspatriat, Pengalaman Antarabangsa.

Pengenalan

Keterlihatan dinamisme pengajian tinggi di Malaysia semenjak sedekad lalu adalah hasil dari reformasi pengajian tinggi melalui dasar dan inisiatif pendidikan negara era Menteri Pendidikan, Dato' Sri Mohd Najib Abdul Razak. Menyedari hakikat universiti

* Corresponding author: Irma Wani Othman, Ph.D, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. E-mail: irma@ums.edu.my, iwoppib@gmail.com

tempatan jauh ketinggalan dalam memperolehi penyertaan cendekiawan dan tokoh tersohor bagi menjawat perjawatan ahli akademik, maka inisiatif menarik golongan yang dikategorikan sebagai kelompok *the best minds* itu telah diberi keutamaan dalam usaha untuk menjadikan IPT lebih berdaya saing menuju kecemerlangan ilmu. Turut menyedari potensi sektor pendidikan dalam melahirkan modal insan bermutu tinggi, maka Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah menggubal Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2007 yang merangkumi inisiatif mentransformasikan Malaysia berstatus negara maju dan pusat kecemerlangan pengajian tinggi serantau (Mohd Zulkifli Mohd Ghazali, 2007). Pemangkin transformasi revolusi pengajian tinggi negara diharapkan merangsang proses pengantarabangsaan IPT melalui (i) pengisian perjawatan kakitangan antarabangsa yang terdiri dari sarjana akademik yang berkredibiliti, (ii) pengambilan perkadaran besar pelajar antarabangsa dan (iii) jalinan hubungan kerjasama pembangunan penyelidikan (R&D).

Kelangsungan dari itu, pembinaan modal insan minda kelas pertama dan pengembangan pembudayaan ilmu kembali menjadi watak dan semangat baru yang dibawa oleh golongan akademik yang sebelum ini tertekan dengan tugas rutin berfokuskan komitmen menghasilkan akademik graduan sebagai produk universiti. Aspek yang menjadi semakin terpinggir iaitu kemantapan keintektualan dan pembangunan modal insan menular apabila graduan yang dihasilkan tidak mempunyai skil berfikir secara kritikal, gagal memperlihatkan skil berkomunikasi yang baik dan berketerampilan sebagai pemimpin, tidak mempunyai kemahuan untuk bekerja secara berpasukan, tidak mempunyai integriti dan minat keusahawanan serta tidak mempunyai minat untuk pembelajaran sepanjang hayat. Sehubungan itu, pelaksanaan modul kemahiran insaniah yang menjadi asas anjakan paradigma pelajar diperkenalkan di semua IPT. Namun begitu keberkesanan inisiatif tersebut bergantung dengan pembudayaan yang didukung oleh warga kampus dan iklim persekitaran yang kondusif yang memangkinkan pembangunan modal insan. Teras ketamadunan sesebuah universiti hanya berjaya diwujudkan dengan pembinaan modal insan bermutu sekira ianya berupaya menyumbang kepada dinamisme pendidikan tinggi, seterusnya berupaya meletakkan pendidikan tinggi negara sebagai hab kecemerlangan ilmu yang menjadi pilihan pelajar dan sarjana antarabangsa.

Bertitiktolak dari perdebatan tersebut, maka kajian ini dilaksanakan bagi menerokai pengalaman komuniti akademik terhadap persoalan sama ada dinamisme pendidikan tinggi di Malaysia sudah berada pada tahap setanding dengan universiti bertaraf dunia serta berjaya dalam mencerminkan imej serta reputasi baik, seterusnya berupaya meletakkan pendidikan tinggi negara sebagai hab kecemerlangan ilmu yang menjadi pilihan pelajar dan sarjana antarabangsa. Kesenambungan dari itu, penilaian bagaimanakah teras kemajuan sesebuah universiti berjaya diwujudkan dengan pembinaan modal insan akademik dibincangkan dengan mengambil pandangan dalam kalangan ahli akademik ekspatriat dan golongan pelajar antarabangsa menilai pengalaman anatarabangsa ketika berada di negara ini serta mengaitkannya dengan dinamisme pendidikan tinggi dan pembinaan modal insan.

Sorotan Literatur

Dinamisme Pendidikan Tinggi

Dinamisme pendidikan tinggi merujuk kepada keterlihatan reputasi universiti tempatan sebagai wahana pengembangan ilmu dan pusat pembangunan modal insan yang berupaya memartabatkan sesebuah negara di persada dunia. Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dimeterai pada 27 Ogos 2007 merupakan asas transformasi pengajian tinggi negara mengangkasakan kecemerlangan akademik dengan merangsang persekitaran budaya ilmuan dinamik (Mohd Zulkifli Mohd Ghazali, 2007). Ianya bertujuan melahirkan kelompok *the best minds* yang sebahagian besarnya datang dari komuniti menara gading (Abdul Rahman Abdullah, 2003). Negara melihat strategi merevolusikan sistem pendidikan dalam misi membentuk universiti yang lebih kompetitif dan berupaya melahirkan graduan bertaraf antarabangsa. Pengkulturan iklim akademia yang kondusif diharapkan dapat merangsang minat sarjana akademik dan para graduan merentasi disiplin ilmu, lantas diikuti dengan meningkatkan produktiviti akademik dari segi pendedahan wacana ilmiah, pengajaran, penyelidikan, penerbitan - yang mana akhirnya membawa ke tahap pencapaian pengantarabangsaan. Oleh itu, dinamisme pendidikan tinggi dilihat sebagai hala tuju pendidikan tinggi Malaysia yang relevan dalam meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Pembinaan Modal Insan

Anjakan lanskap sistem pendidikan tinggi di Malaysia seiring dengan misi kerajaan mewujudkan modal insan proaktif dan berdaya saing tinggi bagi memastikan negara berada dalam pertumbuhan ekonomi secara komprehensif. Visi negara melahirkan modal insan dengan minda kelas pertama bermula seawal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dilihat dengan memfokuskan modal insan yang *versatile* dalam pelbagai bidang kepakaran (Abdullah Ahmad Badawi, 2006). Sebagai sebuah negara membangun Malaysia bukan sahaja memerlukan kuantiti tenaga buruh mahir tetapi ianya haruslah dilengkapi dengan modal insan berkualiti yang mempunyai kemahiran insaniah yang mantap serta pegangan hidup kerohiah yang tegar dalam usaha mencapai hasrat negara maju. Dalam konteks perkembangan pendidikan tinggi, daya penggerak sumber manusia dari dalam negara dianggap sebagai aset paling ideal bagi pembangunan nasionalisme kerana mereka paling hampir dan memahami kehendak dan aspirasi negara (Wan Mohd Zahid Mohd Nordin, 1994). Oleh itu, modal insan yang berkualiti sewajarnya memperlihatkan pengetahuan dan pencetus inovasi dan meletakkan masa depan dan kejayaan negara ini di persada dunia. Namun begitu tidak dapat dinafikan, Malaysia pada usia yang masih hijau dalam pelbagai aspek kenegaraan jika dibandingkan dengan negara-negara maju, masih memerlukan daya penggerak dari luar bagi membantu mencapai matlamatnya. Dalam konteks pembinaan modal insan, maka pelantikan profesor ternama dan saintis berwibawa sebagai staf universiti serta pengambilan pelajar antarabangsa, turut dilihat sebagai usaha strategik yang diberi keutamaan dalam strategi memperkasa modal insan Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Pengalaman Antarabangsa

Pengalaman antarabangsa dikaitkan secara langsung dengan fenomena globalisasi dan liberalisasi iaitu satu istilah pendidikan global yang mencerna mobiliti sumber manusia untuk berekspatriasi ke destinasi pilihan bagi tujuan berkerjaya bagi sarjana akademik dan motif melanjutkan pendidikan tinggi bagi golongan pelajar antarabangsa (Noraini Othman, 2000). Manakala pengakreditasi antarabangsa terhadap sistem pendidikan tinggi di sesebuah negara membawa indikasi penerimaan komuniti antarabangsa terhadap kesahihan reputasi sistem pendidikan tinggi yang didokong oleh negara tersebut (Mok, 2005). Pengalaman sarjana dan pelajar antarabangsa mempunyai kelangsungan dengan pengiktirafan tersebut dan ini dianggap mandatori dalam usaha memberi gambaran terhadap sistem pengajian tinggi negara yang berdaya saing serta mempunyai golongan siswazah bermutu dan berkelayakan di peringkat global (Zaini Ujang, 1993). Kajian ini bertujuan menerokai pengalaman dari modal insan antarabangsa merangkumi komuniti pelajar antarabangsa dan ahli akademik ekspatriat, sejajar dengan fenomena yang merujuk bagaimana pengalaman tersebut menjelaskan sumbangan mereka terhadap proses pengantarabangsaan melalui pembinaan modal insan yang bermutu. Ianya dilihat dari sudut impak kualiti pendidikan tinggi di Malaysia berada pada tahap standing dengan universiti bertaraf dunia yang mencerminkan imej serta reputasi baik, seterusnya berupaya meletakkan pendidikan tinggi negara sebagai hab kecemerlangan ilmu yang menjadi pilihan pelajar dan sarjana antarabangsa.

Sarjana Akademik Antarabangsa

Sarjana akademik antarabangsa didefinisikan sebagai 'profesor dan kakitangan bukan profesor serta individu yang terlibat dalam penyelidikan dan profesion mengajar (Richardson dan MacKenna, 2003). Asas kepada pembangunan ketamadunan modal insan sesebuah IPT bergantung kepada kualiti staf akademiknya. Tidak disangkal kualiti staf akademik diterjemah melalui kelayakan akademik, kepakaran dan kredibiliti kesarjana. Apatah lagi apabila kualiti sistem pendidikan sesebuah negara dinilai penarafan oleh *The Times Higher Education Supplement* (THES) semenjak tahun 2004 yang bertujuan memperlihatkan tahap intelektual dan pengiktirafan kesarjana bagi sistem pendidikan tinggi di sesebuah negara (Minogue, 2005). Namun usaha untuk menarik minat sarjana akademik tersohor dan matang bagi menyertai universiti baru tempatan adalah bukan mudah. Berdasarkan peningkatan pengisian perjawatan kakitangan akademik antarabangsa memberi petunjuk di mana IPT di Malaysia mempunyai kebergantungan yang tinggi terhadap akademik ekspatriat (Irma Wani Othman *et al.*, 2013). Kajian Irma Wani Othman (2012) mengenalpasti pertambahan bilangan kakitangan akademik ekspatriat di IPTA Malaysia mewajarkan kepekaan pengurusan sumber manusia antarabangsa agar lebih peka terhadap keperluan sistem pampasan gaji yang lebih kompetitif dan peluang pembangunan kerjaya yang dinamik. Dalam konteks tersebut, pembangunan kerjaya akademik dari luar negara berkembang seiring dengan kehendak pasaran antarabangsa yang memerlukan sistem pendidikan negara ini diterajui oleh modal insan yang berkelayakan, berkualiti dan berada pada tahap kecemerlangan akademik.

Pelajar Antarabangsa

Pada tahun 2011 menyaksikan pengoperasian polisi dasar pengantarabangsaan sistem pendidikan tinggi Malaysia menetapkan sasaran aliran kemasukan pelajar antarabangsa pada kapasiti 150,000 orang pada tahun 2015 dan dianggarkan meningkat kepada 200,000 orang menjelang tahun 2020 (MOHE, 2013). Kelangsungan tersebut memperlihatkan peningkatan bilangan pelajar antarabangsa sebagai aspek penting dalam mencapai status antarabangsa sesebuah universiti. Pembinaan komuniti kampus yang mempunyai ciri masyarakat transnasional merupakan aspirasi bagi setiap universiti yang bertaraf dunia. Manakala fokus vital Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang membabitkan pembangunan modal insan merujuk kepada mewujudkan generasi modal insan minda kelas pertama dengan strategi pengantarabangsaan pengajian tinggi (Halimaton Hamdan, 2001). Termeterai tiga komponen penting pembangunan tersebut iaitu mensasarkan skop modal insan yang lebih holistik, memberi tumpuan khusus kepada aspek pembangunan intelektual dan institusi ilmu serta pengukuhan keupayaan modal insan dalam sains, R&D dan inovasi (Halimaton Hamdan, 2001). Dalam konteks dunia global, modal insan bermutu tinggi adalah anjakan minda pemikiran rakyatnya. Ianya tidak hanya merujuk aspek ilmu dan pengkhususan bidang kepakaran semata-mata, malahan mengambilkira pembangunan minda, hemah diri dan etika. Karakteristik tersebut hanya boleh digarap dengan keterbukaan minda menerima pandangan luar dan pembentukan keinsanan dalam diri melalui jalinan hubungan dengan budaya luar. Maka pelajar antarabangsa merupakan elemen yang wajar untuk diasimilasikan dalam masyarakat pelajar tempatan agar timbul kematangan memenuhi keperluan pembangunan individu, keluarga, masyarakat dan dunia sebenar.

Metodologi Kajian

Kaedah penyelidikan kualitatif mengaplikasikan reka bentuk kajian kes menjadi pilihan kajian ini di mana teknik temu bual separa berstruktur digunakan untuk memperolehi maklumat mendalam berhubung isu yang diterokai. Sebanyak sembilan IPTA dipilih sebagai institusi kajian kes bermatlamat memberikan perspektif makro pengalaman sumber manusia antarabangsa yang melibatkan dinamisme pengajian tinggi yang dikaitkan dengan pembangunan modal insan. dasar pengantarabangsaan sistem pendidikan tinggi di negara ini. Berpandukan statistik pertambahan bilangan perjawatan yang berjaya diisi oleh kakitangan akademik antarabangsa di IPTA sepanjang tahun 2014-2015, wujud kecenderungan munasabah memperolehi ketepatan data berdasarkan jumlah temu bual mendalam yang menepati parameter kajian kualitatif. Penyelidikan dilakukan ke atas dua kumpulan informan komuniti akademik iaitu akademik ekspatriat dan pelajar antarabangsa. Teknik persampelan bukan kebarangkalian mengenalpasti seramai 49 orang informan menyertai temu bual mendalam secara sukarela, di mana 21 orang adalah kakitangan akademik antarabangsa yang masih berada dalam tempoh perkhidmatan dan sekurang-kurangnya pernah membarui sekali kontrak perkhidmatan di universiti di mana informan berkhidmat. Kriteria menetapkan perkhidmatan lebih dari setahun tetapi kurang dari sepuluh tahun sebagai akademik ekspatriat dilakukan bagi mengelakkan unsur bias disebabkan terlalu kurang pengalaman mahupun terlalu lama menetap di negara ini yang boleh menyebabkan pandangan informan dipengaruhi oleh unsur kurang wajar. Seramai 28 orang pelajar antarabangsa tahun akhir dari sebelas universiti tempatan

berjaya ditemubual yang menggariskan kriteria informan sebagai pelajar yang datang ke IPTA sebagai calon tajaan sendiri dan tidak memperoleh apa-apa bentuk biasiswa serta berada dalam pengajian tahun ke dua dan ke atas.

Fokus temu bual mendalam menuntut dua perspektif penerokaan matlumat iaitu (i) mengkaji pengalaman komuniti akademik antarabangsa terhadap dinamisme pendidikan tinggi Malaysia sebagai hab kecemerlangan ilmu dan bagaimana reputasi tersebut berperanan mempengaruhi pilihan mereka sebagai universiti yang relevan di peringkat global dan (ii) seterusnya mengenalpasti isu, senario dan tren pengantarabangsaan yang dikemukakan oleh informan dalam temu bual serta dikaitkan dengan perubahan liberalisasi pendidikan tinggi berjaya mewujudkan pembinaan modal insan yang berkualiti. Akhir sekali soalan yang diajukan berusaha merungkai pandangan peribadi informan dan cadangan mereka terhadap memperkukuhkan lagi dinamisme pendidikan tinggi di Malaysia dengan pembangunan modal insan. Proses analisis data induktif menggunakan teknik tematik () menggunakan pembinaan konsep dan tema yang berdasarkan catatan transkripsi temu bual mendalam serta mengaplikasikan analisa tematik menerusi pengkodan dan pengkategorian, seterusnya melahirkan corak dan tema yang dijana berdasarkan penilaian pengalaman informan berhubung dinamisme pendidikan tinggi dan pembangunan modal insan (Patton, 2002; Seidman, 2006; Creswell, 2013).

Hasil Penyelidikan

Dinamisme pendidikan tinggi melalui pembangunan modal insan merujuk kepada konsep kemanusiaan yang bukan sahaja meletakkan keutamaan terhadap pembangunan ekonomi tetapi menumpukan perhatian wajar kepada pembangunan insaniah (World Bank and Malaysia Economic Planning Unit, 2007). Dua persoalan pokok yang dirungkai - pertama, adakah dinamisme pendidikan tinggi di Malaysia berada pada tahap setanding dengan universiti bertaraf dunia yang mencerminkan imej serta reputasi baik, seterusnya berupaya meletakkan pendidikan tinggi negara sebagai hab kecemerlangan ilmu yang menjadi pilihan pelajar dan sarjana antarabangsa? Kedua, bagaimanakah teras kemajuan sesebuah universiti berjaya diwujudkan dengan pembinaan modal insan akademiknya? Secara dasarnya hasil dapatan mencadangkan wujudnya pengalaman multidimensi dan dinamik di mana informan menggunakan satu dimensi iaitu dinamisme pendidikan untuk menerangkan tema pembangunan modal insan bertaraf antarabangsa dengan menekankan perluasan tema berkaitan pembangunan sosial masyarakat universiti itu sendiri. Pengalaman dari kalangan sarjana dan pelajar antarabangsa diperolehi menggunakan penilaian retrospektif terhadap pengalaman mereka sepanjang tempoh berada di negara ini dikaitkan dengan hubungan langsung antara dinamisme pendidikan tinggi dan pembangunan modal insan yang berkualiti. Antara tema yang diketengahkan dalam pembinaan modal insan antarabangsa adalah seperti berikut:

I. Nilai Manusia Sejagat

Pengkawasan nilai manusia sejagat sebagai universiti bertaraf antarabangsa dibincangkan oleh informan kajian dengan secara khusus merujuk kepada kaedah bagi pembangunan struktur sosial yang mantap dan bermandiri. Antara isu yang diutarakan adalah merujuk kepada sistem pendidikan negara ini dikatakan tidak memberi prioriti kepada peningkatan nilai kemanusiaan tetapi sebaliknya terlalu menekan kepada penjana kewangan. Sebagai contoh isu peningkatan bilangan pelajar antarabangsa serta pembinaan komuniti kampus yang mempunyai ciri masyarakat transnasional merupakan aspirasi pembinaan modal insan universiti bertaraf dunia. Oleh itu cabaran terbesar pihak pengurusan universiti adalah meletakkan kualiti pendidikan selaras dengan jaminan kualiti kandungan akademik yang merangkumi elemen pengajaran dan pembelajaran bagi menarik golongan pelajar cemerlang melanjutkan pengajian di negara ini (Wan Mohd Nor Wan Daud, 1988).

Kesinambungan dari itu, hubungan di antara pengalaman sumber manusia antarabangsa dan peningkatan mobiliti sarjana dan pelajar antarabangsa menyumbang ke arah keterlihatan reputasi universiti di peringkat antarabangsa harus sinonim dengan pembangunan modal insan yang bermutu. Ini disebabkan kaedah menilai pembangunan modal insan tersebut pula mengandaikan sumber tenaga manusia yang dibentuk harus mempunyai nilai yang tinggi. Nilai manusia ini berupaya ditafsirkan kepada pembinaan modal insan yang menyumbang kepada pengembangan modal insan melalui penjana ekonomi dan pembangunan sosial. Bukan sahaja bertunjangan kebolehan intelektual, komuniti universiti harus dilengkapi dengan nilai kemanusiaan dan kerohanian yang luhur yang menjamin keselamatan sosial. Secara umumnya sistem pendidikan negara ini belum mencapai kapasiti dan penanda aras bagi mencetus perkembangan dan pembudayaan ilmuan bertaraf antarabangsa.

II. Pembangunan Modal Insan Berkualiti

Selaras dengan pengembangan dalam nilai manusia, pembentukan modal insan wajar menjadi asas dalam menjana kesejahteraan ekonomi, sosial dan politik negara. Modal insan yang berkualiti dijadikan penanda aras dalam mencapai kejayaan perancangan negara, sama ada dari ekonomi, pendidikan atau pembangunan rohani dan jasmani individu dalam masyarakat. Dalam konteks kajian ini, persoalan yang diajukan adalah sama ada pihak universiti bertanggungjawab memperuntukkan pembangunan sistem pendidikan negara dalam menghasilkan modal insan yang berkualiti. Antara isu yang dikemukakan oleh informan kajian berhubung dengan pembangunan modal insan adalah IPT Malaysia berada pada kedudukan kurang menyerlah dalam melahirkan ahli akademik yang berasaskan ilmu dan bidang kepakaran. Ini bertentangan dengan fenomena liberalisasi pengajian tinggi era kini yang memerlukan tenaga kerja berpengetahuan tinggi, berwawasan, komited, proaktif dan matang dalam menghadapi cabaran globalisasi.

Antara cadangan yang dikemukakan lebih bertumpukan kepada pandangan bahawa pembangunan modal insan yang berkualiti dikatakan bukanlah suatu usaha yang mudah. Lahir bersama inisiatif tersebut adalah pengurusan sumber manusia yang cekap dalam menyediakan pampasan kewangan yang berupaya menarik tokoh tersohor dan sarjana akademik untuk menyertai sesebuah

IPT dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan modal insan yang bermutu (Sufean Hussin, 2002). Inisiatif 'brain-gain' melalui polisi menarik saintis luar wajar dicetuskan dengan memperuntukkan peluang perjawatan akademia melalui program khas sarjana akademik ekspatriat dari universiti terkemuka dunia dan sektor korporat (Shahnom Ahmad, 1991; Russell, 1993). Gandingan usahasama tersebut berupaya direalisasikan melalui penilaian prestasi dan bidang kepakaran warganegara global yang berminat berhijrah sebagai ahli intelektual ke negara ini. Merekabentuk peluang perjawatan dan mengiktirafkan taraf kewarganegaraan merupakan salah satu usaha yang bijak menarik saintis luar berkongsi kepakaran demi menyuburkan iklim akademia negara ini.

III. Pembudayaan Komuniti Menara Gading

Pembudayaan komuniti menara gading merupakan suatu konsep bertujuan memartabatkan nilai budaya masyarakat kampus dengan mengambilkira pembangunan sosial sistem pendidikan tinggi yang bersandarkan dengan dasar pembangunan sosial negara. Majoriti dari informan melahirkan pandangan yang hampir serupa iaitu budaya sesebuah masyarakat sebenarnya melambangkan susur galur pembentukan keperibadian individu yang terpasak di dalam masyarakat tersebut. Sebagai contohnya masyarakat yang mempunyai nilai bersahsiah yang mulia bermula dari kumpulan individu-individu dalam kalangan komuniti tersebut yang mendokong peradaban yang tinggi nilai moral diri. Pandangan yang dilahirkan oleh informan kajian lebih terarah kepada asas kewujudan sesebuah universiti dengan merujuk kepada iklim akademik yang kondusif berperanan memantapkan pembudayaan komuniti menara gading yang berkualiti dari pelbagai aspek kehidupan.

Malaysia merupakan sebuah negara yang terkenal dengan diversiti etnik, memberi ruang penerokaan dalam aspek pembudayaan kemanusiaan yang berupaya diperkenalkan di peringkat antarabangsa. Pembudayaan komuniti masyarakat kampus yang terdiri dari ratusan etnik yang tidak terhad kepada masyarakat pribumi, pelbagai bangsa dan agama serta ditambah dengan golongan pelajar antarabangsa menjadikannya berpotensi untuk dijana sebagai sebuah ciri unik sistem pendidikan tinggi. Namun begitu, dari aspek pemantapan budaya kurang inisiatif diambil bagi melahirkan persekitaran budaya masyarakat yang kondusif dalam membina modal insan yang matang (Sumit, 2000). Sebagai contoh, komuniti akademik yang mesra ilmu dan proaktif berwacana memangkinkan persekitaran kampus yang berkualiti dan sinonim dengan iklim akademik universiti terkemuka dunia. Kelompok pelajar tempatan pula tidak memanfaatkan kelebihan pelajar antarabangsa. Komuniti akademik yang mantap bermula dengan asas jalinan hubungan sebenar warga kampus yang seronok menerokai ilmu dan berwawasan untuk membina laluan kerjaya dengan penguasaan ilmu yang diperolehi di universiti.

Pembudayaan yang melibatkan masyarakat umum berupaya diangkat sebagai strategi dalam mengembangkan inovatif dan dianggap satu cara memperoleh pengiktirafan antarabangsa. Dalam perspektif tersebut, pembudayaan ilmu yang menjurus kepada peradaban masyarakat kampus tidak hanya menekankan tentang pembentukan graduan yang mempunyai ilmu pengetahuan, bahkan berperanan sebagai rakyat yang sensitif terhadap aspek negara yang melibatkan nilai bangsa dan budaya (Ahmad Adam, Kassim Ahmad dan Rustam A. Sani, 1989). Maka pendidikan yang bersifat terbuka meransang kepada pembudayaan komuniti menara gading dan membawa bersama implikasi wujud persekitaran pembelajaran sepanjang hayat yang disulami dengan kepentingan sahsiah etika dan nilai moral yang tinggi.

IV. Tanggungjawab Sosial Glokal

Tanggungjawab sosial merangkumi tanggungjawab di peringkat tempatan dan global. Perbahasan sering timbul sama ada tanggungjawab sosial glokal merupakan salah satu strategi penarafan sesebuah universiti yang diiktiraf berstatus antarabangsa. Sebahagian besar dari informan kajian berpendapat tanggungjawab sosial glokal bertunjang awal pada peringkat tempatan. Dalam konteks tersebut, tanggungjawab sosial pihak universiti adalah kritikal dalam menggalas misi untuk memastikan generasi dan masyarakat umum dapat memanfaatkan kewujudan universiti dalam menjadi gedung ilmu yang membawa kepada penstrukturan, pembangunan dan pemodenan prasarana setempat. Seperkara lagi yang menarik perhatian, dapatan kajian ini turut melihat perdebatan berhubung isu tanggungjawab sosial glokal yang dikatakan bukanlah semata-mata berdasarkan aspek kecemerlangan akademik tetapi juga peranan dan sumbangan pihak universiti terhadap masyarakat sejagat.

Tren ini bukanlah sesuatu yang asing bagi masyarakat di luar negara di mana universiti menjadi sebahagian dari bandar atau universiti itu sendiri adalah bandar di sesebuah negeri (Brody, 2007). Contohnya kewujudan ratusan tahun Universiti Oxford dan Cambridge University adalah merupakan tanggungjawab sosial glokal institusi pengajian tinggi di Britain dalam memastikan sesebuah university diberikan status sebuah bandar dalam memartabatkan masyarakat tempatan (Zaini Ujang, 1991). Hal ini menjadikan masyarakat kampus semakin matang melakukan penilaian terhadap peranan mereka dalam memastikan masyarakat memperoleh sepenuhnya manfaat terhadap pendidikan tinggi. Manakala tidak kurang juga strategi serampang dua mata yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia pada hari ini iaitu dengan menubuhkan sesebuah universiti bertujuan bagi membangunkan sesebuah bandar yang pada asalnya ketinggalan dari aspek infra struktur. Dalam masa yang sama, ianya turut meletakkan pengurusan sumber manusia universiti menggalas tanggungjawab sosial glokal sebagai salah satu dari elemen kritikal menyumbang kepada kewujudan liberalisasi pembudayaan ilmu seterusnya berperanan menyuburkan iklim akademik universiti.

V. Gaya Hidup dan Masyarakat Warganegara Global

Tren kini menyaksikan perubahan gaya hidup dan evolusi struktur masyarakat warganegara global yang sejajar dengan peralihan masa, tuntutan globalisasi dan liberalisasi ilmu serta perkembangan teknologi. Menurut pemahaman informan kajian, masyarakat kewarganegaraan global mewujudkan identiti komuniti universiti berstatus tanpa sempadan (borderless universities), mengenyepikan warna kulit, merasionalisasi pegangan hidup sejagat dan meliberalisasikan adat resam budaya sesebuah bangsa (Birch, 1988). Kelangsungan dari perubahan tersebut maka sistem pendidikan tinggi juga tidak dapat lari dari mewujudkan

suasana yang proaktif dan dinamik dalam kalangan warganya. Oleh itu, majoriti dari pandangan yang dilontarkan oleh informan kajian merujuk pandangan terhadap keterlihatan dinamisme pendidikan tinggi menerusi pembangunan modal insan berstatus antarabangsa.

Perubahan tersebut turut memerlukan individu yang mempunyai kualiti syumul dan berani menghadapi cabaran tenaga kerja yang lebih kompetitif dan peluang ekonomi yang semakin mencabar. Ini dilihat apabila penstrukturan masyarakat tradisional kampus yang bertunjangkan akademia semata-mata kini beralih arah kepada komuniti diversiti dan berstatus warganegara global. Antara justifikasi yang diberikan oleh informan bahawa sistem pendidikan tinggi Malaysia masih 'hijau' disebabkan kurangnya pemerolehan kewarganegaraan global dalam membantu proses pengantarabangsaan mengakibatkan ianya masih jauh ketinggalan dari dua aspek iaitu kurang kerjasama penyelidikan dan pembangunan menerusi pembiayaan sepenuhnya atau berbentuk geran tambahan dari luar negara. Aliran intelektual dalam kalangan profesional dan tenaga kerja berkemahiran tinggi akibat fenomena globalisasi dan liberalisasi pendidikan dilihat sebagai strategi yang harus diutilasikan oleh sistem pendidikan negara ini bagi merebut peluang mewujudkan senario alternatif pendidikan masa depan berasaskan kesan cabaran dan persekitaran hidup masyarakat (Fuller, 2005).

VI. Kelompok The Best Minds

Dalam konteks dunia global, pembangunan modal insan yang berkualiti tinggi merupakan suatu keutamaan bagi setiap institusi pengajian tinggi dalam menuju pengiktirafan pengantarabangsaan. Cabaran melahirkan modal insan bermutu dalam membangunkan sebuah institusi pengajian tinggi bertaraf dunia merupakan cabaran terbesar yang bukan sahaja memerlukan strategi dasar awam yang komprehensif, malahan anjakan paradigma warganegaranya. Istilah the best minds merujuk kepada keupayaan sesebuah universiti menarik masuk cendekiawan dalam dan luar negara bagi menggembleng kepakaran membangunkan hala tuju dan wawasan pendidikan tinggi negara (Fuller, 2005). Saranan yang diunjurkan oleh informan kajian ini dalam memperolehi kelompok the best minds tersebut menjurus kepada isu memperlengkapkan IPT dengan kemudahan intelektual dan memastikan keperluan modal insan dalam bidang-bidang kritikal negara ini diberikan keutamaan. Sebagai contoh dikatakan IPT Malaysia jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan penanda aras (benchmarking) kecemerlangan akademik peringkat dunia. Prasarana dan polisi sumber manusia universiti berhubung dasar pengantarabangsaan harus diperbaiki seiring dengan misi mendapatkan status pusat kecemerlangan ilmu dunia. Selain dari itu penyediaan modal insan haruslah seiring dengan usaha memantapkan kualiti dan visibiliti pembangunan dalam kalangan para akademik.

Dalam konteks Malaysia, kelompok the best minds ini adalah jawapan kepada peranan yang harus dilaksanakan dalam mencorakkan peradaban, pemikiran, tingkah laku dan ketamadunan sesebuah bangsa. Kewujudan kelompok the best minds bukan sahaja tertumpu dalam menjalankan tugas-tugas keintelektualan, sebaliknya tanggungjawab yang lebih besar lagi adalah membudayakan masyarakat dengan ilmu pengetahuan yang bakal membentuk modal insan yang bermutu tinggi (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 2004). Masyarakat yang dipengaruhi cara kehidupan kelompok the best minds ini meletakkan nilai pendidikan sebagai teras utama kehidupan mereka. Ini membawa kepada kewujudan masyarakat ilmuan yang membina tradisi ilmu yang cemerlang serta menyuburkan budaya akademik dalam setiap aspek kehidupan mereka. Pengaruh dan nilai ilmu pengetahuan tinggi dalam sesebuah masyarakat merupakan aset paling berharga bagi sesebuah negara dalam melahirkan universiti pendukung tradisi intelektual.

Kesimpulan

Secara dasarnya kewujudan dan kecemerlangan universiti dilihat dari perspektif pemantapan budaya ilmu dan iklim akademik yang dikaitkan dengan pembangunan modal insan. Dinamisme pengajian tinggi yang sebenar tidak sahaja bergantung kepada aspek pencapaian bersifat kelulusan akademik, tetapi tersirat melalui aspek kualitatif dalam keperibadian, kemantapan minda, keberhasilan aktiviti keilmuan itu sendiri dan cara kehidupan lestari setiap ahli dalam komuniti ilmu iaitu sarjana akademik, pelajar dan graduan. Dapatan kajian ini menyisipkan satu dimensi lanjutan dengan mengemukakan pemahaman tentang pembudayaan ilmu yang mampu mengubah ketamadunan dan memartabatkan budaya intelektual. Pembangunan modal insan yang memberi impak terhadap dinamisme pengajian tinggi pula dilihat secara komprehensif, holistik dan struktural di mana komuniti ilmu yang ideal memiliki kemahiran berfikir, keupayaan berhujah, lancar dalam berkomunikasi, memiliki keperipadian mulia dan mampu menangani cabaran dalam pencarian ilmu. Menerusi kajian ini turut dikemukakan beberapa pandangan khususnya peranan pelbagai pihak dalam pembudayaan ilmu komuniti akademik yang berupaya menjadikan pendidikan tinggi di Malaysia sebagai suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu dalam mewujudkan modal insan yang seimbang. Pembinaan modal insan yang bermutu tinggi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkebolehan mencapai kesejahteraan diri dan menyumbang terhadap keharmonian dan kesejahteraan bangsa dan negara. Hasil kajian ini diharapkan menjadi maklumat berguna dalam melaksanakan dasar atau polisi perancangan strategik alternatif masa hadapan, seterusnya menentukan senario pendidikan tinggi Malaysia pada masa hadapan.

Penghargaan

Setinggi penghargaan diberikan kepada pihak yang terlibat secara langsung dalam merealisasikan penyelidikan ini sama ada dalam bentuk dana penyelidikan mahupun sumbangan kepakaran antaranya adalah Skim Geran Penyelidikan Bidang Keutamaan Universiti Malaysia Sabah SBK0268-SS-2016 First Experience Of International Students In Malaysia: A Public Higher Education Viewpoint SBK0155-SS1-2014 Memanfaat Pengalaman Akademik Ekspatriat di Instutusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia: Dasar dan Pengantarabangsaan Universiti Malaysia Sabah.

Rujukan

- Abdullah Ahmad Badawi. 2006. *Pembangunan Modal Insan: Koleksi Ucapan*. Kuala Lumpur: Penerbit INTAN.
- Abdul Rahman Abdullah. 2003. *Menjadi Intelektual*. Kuala Lumpur: PTS Publications.
- Ahmad Adam, Kassim Ahmad dan Rustam A. Sani. 1989. *Intelektualisme Melayu: Satu Polimek*. Kertas Kadangkala. Bil 5 FSKK. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Birch, W. 1988. *The Challenge to Higher Education*. England: The Society for Research in to Higher Education and Open University Press.
- Brody, W. R. 2007. *College Goes Global*. Foreign Affairs. 86(2)
- Fuller, S. 2005. *The Intellectual*. Icon Books, London.
- Creswell, J. 2013. *Qualitative Inquiry and Research Design. Choosing among five approach*. Los Angeles: Sage Publication Ltd.
- Garrick, J., Chan, A. and Lai, J. 2004. *University Industry Partnerships: Implications for Industrial Training, Opportunities for New Knowledge*. *Journal of European Industrial Training*. 28(2/3/4).
- Halimaton Hamdan. 2001. *Program Pendidikan Nobel Laureate: Masa Hadapan Kelas Pertama Bagi Universiti Teknologi Malaysia*. UTM, Skudai: Penerbit UTM.
- Harding, G. and Kington, B. 1989. *Industry and Higher Education: A Strategy for Partnership*. Buckingham: Open University Press.
- Hutchins, R. M. 1968. *The Learning Society*. Great Britain: Penguin Books Ltd.
- Ibrahim Saad. 1986. *Pendidikan dan Politik di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Irma Wani Othman, Muhammad Safuan Yusoff, Mohd Kamal Mohd Shah dan Norazah Mohd Suki. 2013. *Expatriate Faculty Retention In The Public Higher Education Institution in Malaysia*. Project Code: RE-06, PEREKA Research and Innovation Competition 2013. Universiti Malaysia Sabah. p.58.
- Irma Wani Othman, Norazah Mohd Suki dan Muhammad Safuan Yusoff. 2012. *Kajian Eksploratif Pengalaman Kerjaya Antarabangsa Ekspatriat Akademik di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. Vol. 6:45-63.
- Minogue, K. 2005. *The Concept of a University*. New Jersey: Transaction Publishers. Ministry of Higher Education (MOHE). [web_statistik/perangkaan_2013](http://www.mohe.gov.my/web_statistik/perangkaan_2013). Available online from http://www.mohe.gov.my/web_statistik/index.htm. n.d. Diakses: September 2016.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. 2004. *Dinamika Sistem Pengajian Tinggi*. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohd Zulkifli Mohd Ghazali. 2007. *Mendepani Cabaran ke Arah Universiti Bertaraf Dunia*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia
- Mok, H. H. 2005. *The Quest for World Class University: Quality Assurance and International Benchmarking in Hong kong*. Quality Assurance in Education.
- Noraini Othman. 2000. *Globalisasi Pendidikan dan Moderniti di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Patton, M. Q. 2002. *Qualitative research & evaluation methods (3rd edition)*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Richardson, J. and McKenna, S. 2003. *International Experience and Academic Careers*. *Personnel Review*. 32 (6).
- Russell, C. 1993. *Academic Freedom*. London: Routledge.
- Seidman, I. 2006. *Interviewing as Qualitative Research: A Guide for Researchers in Education and the Sciences, (3rd ed.)*. Teachers College Press.
- Shahnom Ahmad. 1991. *Kebebasan Akademik*. Akademia: Menjelang Tahun 2000. Pulau Pinang: PKAPUSM.
- Sufean Hussin. 2002. *Inovasi Dasar Pendidikan Perspektif Sistem dan Organisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Sumit, K. Mandal. 2000. *Menimbang Semula Globalisasi Budaya: Bahasa Inggeris di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syed Hussein Alatas. 1977. *Intellectuals in Developing Societies*. Terjemahan Intelektual Masyarakat Membangun, Bambang Supriady (dalam Bahasa Indonesia) dan diubah suai ke Bahasa Malaysia oleh Jaafar Abdul Rahim. Kuala Lumpur: DBP.
- Taib Osman. 1987. *Kembali Kepada Asas: Pengajian Tinggi dan Isu-isu Lain*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu. Universiti Malaya. Bil. 7.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 1988. *Budaya Ilmu: Konsep Prasyarat dan Pelaksanaan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Wan Mohd Zahid Mohd Nordin. 1994. *Wawasan Pendidikan: Agenda Pengisian*. Kuala Lumpur: Cahaya Pantai Publishing.
- World Bank and Malaysia Economic Planning Unit. 2007. *Malaysian and Knowledge Economy: Building a World-Class System of Higher Education*. Putrajaya: World Bank and EPU.
- Zaini Ujang. 1991. *Dilema Kecemerlangan Universiti Britain*. Dewan Masyarakat, Oktober.
- Zaini Ujang. 1993. *Universiti Mendukung Tradisi Intelektual*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.